

06/08/2002

Pakatan Rumah Putih mahu gulingkan Setiausaha Negara

A Ghani Nasir

KISAH percakapan, perbalahan mengenai dasar luar, mengampu sesama rakan seperjuangan dan konco-konco bukanlah perkara baru dalam sejarah pentadbiran Rumah Putih.

Namun, kejayaan Naib Presiden Dick Cheney dan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld memastikan Colin Powell dipinggirkan dan sentiasa berasa dihina, mencetuskan khabar angin Setiausaha Negara Amerika Syarikat itu akhirnya mungkin terpaksa mengalah dan meletak jawatan.

Cheney dan Rumsfeld sebenarnya bukan berdua saja merancang usaha memaksa Presiden George W Bush mendengar kata-kata dan rangka dasar luar Amerika mereka lantas mengetepikan Powell.

Malah, dua tokoh disifatkan berhaluan ultra-kanan ini disokong kuat oleh Timbalan Setiausaha Pertahanan Paul Wolfowitz; Penasihat Keselamatan Negara Condoleezza Rice; ketua staf pejabat Cheney, Lew Libby, dan tiga lagi pegawai kanan di Jabatan Pertahanan.

Konco-konco pengampu Cheney-Rumsfeld ini, disifatkan oleh timbalan setia Powell, Richard Armitage, sebagai pissants sebagai merujuk kepada tanduk pegawai berkenaan yang mempunyai sejarah mengelakkan diri daripada menjalani perkhidmatan tentera khusus ketika dan pasca-perang Vietnam. Armitage adalah salah seorang panglima terkemuka ketika perang Vietnam dan tetap tidak lupa bagaimana Cheney memohon dan dikecualikan daripada menjalani kerahan.

Kedudukan Powell yang benar-benar ibarat telur di hujung tanduk itu semakin ketara apabila akhbar arus perdana Amerika, The New York Times (NYT), The Washington Post dan Los Angeles Times memaparkan kisah pergelutan kuasa dan pengaruh di Rumah Putih membabitkan negarawan keturunan Afrika-Amerika itu sejak 25 Julai lalu.

Dengan tajuk "Embattled, Scrutinized, Powell Soldiers On" (Tersepit, Sentiasa diteliti dengan sinis, Powell tetap berjuang), NYT khususnya menceritakan kisah duka Powell apabila hampir semua pandangan dan dasar yang digubalnya mengenai dasar luar Amerika ditolak bulat-bulat oleh pentadbiran Bush.

Sebaliknya, dasar yang digubal dan diuar-uarkan Cheney-Rumsfeld satu persatu diterima pakai oleh Bush hingga memalukan Powell, sedangkan beliaulah yang terpaksa menjelas dan mempertahankan segala dasar Amerika kepada rakan dan seteru.

Perselisihan pendapat di antara Powell yang dianggap lemah dan tidak mampu menampilkan kedudukan Amerika sebagai kuasa tunggal dunia itu, disifatkan diplomat dan penganalisis di New York dan Washington sebagai lebih teruk daripada zaman presiden Ronald Reagan dan Richard Nixon.

Setiausaha Negara ketika itu, William Rogers, sering dimalukan oleh penasihat keselamatan Nixon, Henry Kissinger, manakala Setiausaha Pertahanan zaman Reagan, Caspar W Weinberger, sering berbalah dengan Setiausaha Negara, George P Shultz.

Sebenarnya, menurut The New York Times, dengki-mendengki di antara Rumsfeld dan Powell membawa kepada kebencian di antara mereka berakar umbi 25 tahun lalu.

Ketika berkhidmat sebagai Setiausaha Pertahanan buat pertama kalinya sewaktu Pentadbiran Presiden Gerald Ford, beliau berjabat tangan dengan kolonel kulit hitam, panglima markas di Fort Campbell, Kentucky. Powell ketika itu sedang meningkat naik sebagai pegawai tentera yang dihormati kerana sikapnya yang profesional.

Bagaimanapun, kini penghinaan terhadap Powell lebih tertumpu kepada dasarnya yang didapati tidak sehaluan dengan gagasan Cheney-Rumsfeld-Wolfowitz mengenai wawasan menonjolkan Amerika sebagai kuasa unggul pada era pasca-Perang Dingin.

Pakatan geng tiga tokoh disifatkan sebagai hawk ini iaitu bersikap tegas, tidak mahu mendengar nasihat, pentingkan diri sendiri, membahayakan dan sentiasa mencari mangsa, membuat mereka dianggap tidak ubah ibarat neo-konservatif.

Segala keputusan mereka tidak boleh diubah suai atau dipersoalkan oleh sesiapa pun, apatah lagi Powell kerana mereka menganggap diri mereka sebagai pendukung perjuangan menegak dan menampilkan Amerika sebagai kuasa paling kuat.

Apa yang jelas selepas tragedi 11 September 2001 adalah dasar luar Bush sama dengan kertas kerja Defense Policy Guidance (Hala Tuju Dasar Pertahanan Amerika) yang dilakar oleh Cheney-Wolfowitz dan Libby pada 1992.

Tiga tokoh berhaluan kanan-ekstrem itu menegaskan: "Sedang Amerika Syarikat tidak boleh menjadi pengawal dan penentu hala tuju negara lain, iaitu dengan memikul tanggungjawab membetulkan apa yang salah pada pandangan kita, kita tetap mengekalkan hak untuk memastikan setiap kesalahan itu diperbetulkan, terutama yang mengancam bukan saja kepentingan kita, malah sekutu atau rakan."

Ia selanjutnya menekankan Washington mesti mengekalkan keupayaan menghalang sebarang negara yang cuba menyaingi kekuatan Amerika, apatah lagi bercita-cita memainkan fungsi sebagai kuasa serantau atau global selain apa yang dipersetujui oleh Amerika saja.

Dokumen itu yang tidak langsung menyentuh fungsi dan tanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mendakwa campur tangan ketenteraan Amerika di mana saja pelosok dunia mesti diterima sebagai hak mutlaknya dan sebahagian peperangan menghapuskan keganasan.

Ia juga menggesa dilancarkan serangan mengejut ke atas negara yang terbabit dalam pengeluaran senjata pemusnah - desakan yang akhirnya menjadi dasar rasmi Bush sejak awal tahun ini.

Dasar bahawa Amerika saja betul dan bongkak itu jelas menunjukkan kesombongan dan sikap neo-konservatif yang diasaskan kepada ideologi golongan Kristian ekstrem. Fahaman inilah yang menjadi panduan dalam setiap penggubalan dasar luar Bush.

Malangnya, Powell mahu setiap tindakan dirundingkan terlebih dulu dan fahaman penjajahan Amerika dimansuhkan bagi menjaga hubungan baik dengan sekutu, terutama di Eropah.

Powell cuba berbaik-baik dengan bekas penasihat dasar luar bapa presiden, Herbert Bush, iaitu Jen Brent Scowcroft.

Pada Mei lalu, Scowcroft, kini pengerusi Badan Penasihat Perisikan Asing Presiden, menyokong dasar Powell agar Washington mengamalkan dasar sederhana dalam menghadapi krisis Palestin-Israel dan mengerah tentera berbilang negara di rantau itu dengan penyertaan askar Amerika.

Dalam masa sebulan saja, Bush dengan desakan kuat Cheney-Rumsfeld bersekongkol dengan puak kanan-ekstrem Yahudi dalam Parti Likud Israel. Mereka serentak mendesak agar Yasser Arafat disingkirkan hanya beberapa hari selepas Powell mengumumkan Rumah Putih perlu bekerjasama dengan Arafat sebagai pemimpin Palestin berfahaman sederhana.

Apa yang berlaku itu sama dengan tindakan Bush mengetepikan cadangan Powell dalam membaiki hubungan Washington-Seoul. Powell menyokong rundingan damai Korea Selatan dan Utara diteruskan tetapi pihak ekstrem dalam Pentadbiran Bush tidak bersetuju kerana menyifatkan Korea Utara sebagai sebuah negara yang mendokong keganasan antarabangsa.

Pada Jun saja keretakan hubungan Bush-Cheney-Rumsfeld dengan Powell

semakin nyata dan menjadi perbualan hingga tercetus khabar angin bahawa negarawan itu hendak mengemas pejabatnya.

Powell dikatakan dihina dan dimalukan oleh empat perkara:

- * Satu rombongan pegawai kanan Jabatan Negara menuduh Tabung Kependudukan PBB menyokong pengguguran paksa di China. Powell mahu sumbangan Amerika tetap diteruskan tetapi Bush membatalkan peruntukan kepada agensi itu.

- * Powell mengumumkan beliau lebih suka memulakan rundingan dengan golongan reformis di Iran pimpinan Presiden Mohammed Khatami tetapi Rumah Putih mahu Khatami digulingkan.

- * Jabatan Negara mendesak Jakarta disyaratkan mendukung hak asasi manusia sebelum diberikan bantuan, terutama kepada tentera Indonesia, tetapi Pentagon dengan segera mengetepikan tegahan itu.

- * Jabatan Negara mahu Amerika berkecuali apabila perjanjian PBB mencegah penyeksaan dibentangkan tetapi Rumah Putih mengundi menentang perjanjian itu yang turut dibantah oleh China, Cuba, Arab Saudi, Mesir dan Iran. Semua negara itu dituduh oleh Amerika sebagai pencabul hak asasi.

Sikap Rumah Putih itu menyebabkan India dan Pakistan tidak tahu apakah Powell menyuarakan dasar Amerika apabila beliau berunding bagi mengendurkan ketegangan di benua kecil India itu.

Begitu juga dalam berkeras menuduh Presiden Saddam Hussein membina senjata pemusnah, suara Powell tenggelam sedang Cheney-Rumsfeld berkeras mereka ada bukti rancangan Baghdad itu.

Geng berhaluan kanan-pelampau itu juga dikatakan menggunakan isu 'peperangan menentang keganasan' untuk menampilkan wawasan Amerika adalah penjajah baru yang memberi kuasa penuh kepada panglima di Pentagon merangka serangan mengejut terhadap Iran, Iraq dan Korea Utara yang dituduh axis of evil atau paksi kejahatan dan penaja keganasan global.

Dalam menyokong keganasan tentera Israel terhadap rakyat Palestin pula, Bush tidak langsung menghiraukan pandangan Powell agar rundingan damai membabitkan Arafat dimulakan kembali.

Bush-Cheney-Rumsfeld tidak menghiraukan langsung penderitaan rakyat Palestin tetapi menambah peruntukan kewangan kepada Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, yang kononnya berjuang menghapuskan keganasan ditaja Arafat.

Kekejaman askar Israel memusnah, membunuh dan menyeksa penduduk Palestin di Tebing Barat dan Gaza tidak dipedulikan oleh Bush.

Sememangnya Amerika selama ini menghulurkan sokongan membabi-buta terhadap pemimpin dan diktator yang sebulu dengan dasar neo-kolonialis mereka sebagaimana Ferdinand Marcos dan Jeneral Augusto Pinochet dari Chile dibenarkan melakukan penindasan.

Fahaman berhaluan kanan-pelampau Cheney-Rumsfeld itu juga yang bertegas menyifatkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai banduan politik.

Washington jelas tidak menghormati institusi kehakiman di Malaysia dan membelakangkan keputusan mahkamah yang mendapati Anwar bersalah terhadap tuduhan yang dikenakan ke atasnya,

Rumah Putih berbuat demikian kerana tidak senang dengan sikap dan dasar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menentang kekejaman Israel terhadap Palestin disokong Amerika dan ketrampilan Malaysia sebagai negara yang mampu meraih sokongan dunia Arab dan Dunia Ketiga dalam pelbagai isu membabitkan Islam, dasar penindasan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.